

Tindakan pengukuhan banyak bantu orang Melayu rapatkan jurang

NEW YORK 26 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tidak benar mengatakan pelaksanaan dasar tindakan pengukuhan tidak membantu orang Melayu yang masih jauh di belakang masyarakat Cina di Malaysia.

"Ramai yang telah dibantu dan banyak yang berjaya," kata Perdana Menteri ketika menjawab pertanyaan daripada peserta dalam Forum Pemimpin Dunia di Columbia University di sini, semalam.

Beliau menyatakan, langkah-langkah telah diambil untuk membetulkan ketidakseimbangan dalam profesion perubatan, contohnya dengan kehadiran lebih ramai doktor Melayu sekarang.

"Dalam profesion lain juga kami telah membuat beberapa pembetulan, ia tidak memuaskan tetapi sekurang-kurangnya kami telah membuat pembetu-

lan. Dan kini terdapat orang Melayu yang agak baik dalam perniagaan.

"Saya bercakap dengan seorang lelaki malam tadi. Beliau boleh menerbangkan helikopter dan memiliki banyak helikopter bukan hanya di Malaysia tetapi seluruh dunia. Beliau diberi peluang dan dia memanfaatkan peluang itu," katanya.

Dr. Mahathir juga menjelaskan apa yang berlaku sebelum ini adalah peluang diberi secara bebas tanpa memikirkan keupayaan seseorang itu.

"Sekarang kita akan lebih selektif untuk mengatasi tabiat menjual kontrak dan peluang lain yang diberi kepada mereka. Kami mahu memastikan mereka yang mendapat kontrak melaksanakannya. Sekiranya mereka tidak (melaksanakannya), kami akan mengambilnya semula," katanya.

Dr. Mahathir berkata, jika kerajaan tidak melakukan apa-apa, ketidaksamaan akan bertambah teruk dan akan wujud ketegangan antara kaum dan antara golongan kaya dan miskin.

Katanya, beliau pernah mencuba memberi kepada mereka yang boleh berjaya, bermakna bantuan diberi kepada mereka yang telah berjaya.

"Tetapi apabila saya bantu mereka, saya dituduh kronisme. Rupanya, jika anda tidak mahu dituduh kronisme anda mesti memastikan semua orang gagal.

"Kerana banyak orang yang gagal, mereka tidak dituduh sebagai kroni saya. Tetapi mereka yang berjaya semua digelar kroni saya. Jadi bagaimana anda mahu membetulkan perkara itu - jika anda berjaya anda salah, dan jika anda gagal anda betul," katanya. - **BERNAMA**